

**Handal Offshore Raih Kontrak Bernilai RM16 Juta Daripada UMW Petrodril
Bernama
12 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Anak syarikat milik penuh Handal Resources Bhd, Handal Offshore Sdn Bhd, telah mendapat kontrak bernilai RM16 juta daripada UMW Petrodril (Malaysia) Sdn Bhd.

Handal Offshore akan menyediakan kren minyak dan gas, dan alat-alat sokongan berkaitan kepada UMW Petrodril selama 24 bulan dan akan menjadi subkontraktor bagi UMW Petrodril untuk memenuhi keperluan syarikat minyak dan gas nasional, Petronas.

Ketua Pegawai Operasi Merangkap Pengarah Eksekutif Handal Resources, Zahari Hamzah, berkata kontrak itu merupakan tambahan bagi segmen perkhidmatan kren bersepadunya.

"Kontrak baharu ini menjadikan keseluruhan kontrak perolehan kami bernilai lebih RM260 juta, yang merupakan sebahagian besar pendapatan berulang.

"Skop kerja yang diperolehi akan memperkukuh kelebihan daya saing kami sebagai penyedia perkhidmatan penuh kren, aksesori dan kerja-kerja penyenggaraan. Ini akan menjadikan kami penyedia perkhidmatan sokongan minyak dan gas setempat," katanya dalam satu kenyataan.

Handal menjangka kontrak baharu ini dapat memberikan sumbangan positif kepada perolehan kumpulan selama sekurang-kurangnya dua tahun, mulai tahun kewangan semasa berakhir 31 Dis, 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021507>